

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2026)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS  
PADA HARI ISNIN, 17 NOVEMBER 2025, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**

3. **SOALAN LISAN -**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**  
**SOALAN 1 (A134)**

Apakah langkah-langkah jabatan dalam meningkatkan populasi dan produktiviti ternakan ruminan terutamanya lembu dan kambing tempatan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap import?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**  
**SOALAN 2 (A215)**

Sejauh mana Projek Lembah Tenusu Jemaluang memberi manfaat kepada penternak-penternak di daerah Mersing?

**YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)**  
**SOALAN 3 (A37)**

Apakah tindakan kerajaan negeri melalui Task Force 100,000 RMMJ untuk memastikan sasaran 8,915 unit pada tahun 2026 dapat disiapkan tepat mengikut jadual tanpa kelewatan atau terbengkalai?

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**  
**SOALAN 4 (A109)**

Mohon perkongsian berkenaan rumah kos rendah yang sering dibina dikawasan membangun dan bandar, adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan membina Taman Perumahan Kos Rendah dikawasan Sedili. Mohon agar ada perancangan pembinaan tersebut seiring dengan pembangunan yang akan dilaksanakan dalam kawasan Sedili.

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**  
**SOALAN 5 (A176)**

Adakah Kerajaan Negeri Johor bercadang untuk membina atau menyediakan Rumah Transit khusus untuk golongan B40 di daerah Muar bagi membantu mereka yang masih belum mampu memiliki rumah sendiri?

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**  
**SOALAN 6 (A22)**

Program infaq Jumaat dilihat mendapat sambutan yang amat baik daripada masyarakat. Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan peruntukan kepada semua masjid dan surau jumaat diseluruh negeri Johor tahun hadapan? Adakah kerajaan juga bercadang untuk menambah lagi jumlah peruntukannya?

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)**  
**SOALAN 7 (A194)**

Apakah usaha kerajaan negeri dalam memastikan kesejahteraan emosi dan mental kanak-kanak di negeri ini terus terpelihara, khususnya dalam menghadapi cabaran dunia moden yang semakin mencabar dengan pengaruh media sosial, tekanan akademik, dan isu keselamatan sosial?

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**  
**SOALAN 8 (A101)**

Apakah usaha kerajaan bagi menangani kejadian keganasan terutama dikalangan kanak-kanak akibat terpengaruh dengan permainan atas talian seperti yang berlaku di Johor baru-baru ini sehingga mengakibatkan kecederaan serius kepada mangsa yang merupakan ahli keluarga sendiri?

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**  
**SOALAN 9 (A130)**

Apakah langkah inisiatif Kerajaan Negeri Johor dalam membantu menangani masalah sosial pelajar seperti buli, ponteng, gejala sosial dan isu mental yang kian membimbangkan?

**YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)**  
**SOALAN 10 (A8)**

Kes salah laku dan jenayah di sekolah suatu perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Sekolah adalah tempat selamat untuk mendidik, melahirkan insan yang berilmu dan berdisiplin. Apakah ada modul yang akan dilaksanakan di peringkat negeri bagi mengatasi masalah ini.

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**  
**SOALAN 11 (A50)**

Apakah langkah-langkah keselamatan yang telah dan bakal diperkenalkan untuk meningkatkan keselamatan para pelajar di sekolah Johor?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**  
**SOALAN 12 (A117)**

Buli dan masalah disiplin/jenayah di sekolah menjadi isu hangat diperkatakan. Apakah ada usaha dari kerajaan negeri Johor untuk mengusul/mencadang kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia bagi menambahbaik tahap disiplin pelajar untuk mengatasi budaya ini?

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**  
**SOALAN 13 (A133)**

Apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor serta agensi berkaitan, bagi memastikan keselamatan murid sekolah di seluruh negeri Johor sentiasa terpelihara, khususnya melibatkan isu buli, vandalisme, penyalahgunaan bahan terlarang dan keselamatan fizikal di sekolah?

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**  
**SOALAN 14 (A59)**

Belakangan ini kes-kes yang melibatkan pelajar kian hangat didedahkan dan berlaku dalam keadaan yang membimbangkan. Justeru apakah langkah mitigasi dan preventif JPN Johor dalam memastikan kes-kes berat tidak berlaku dalam kalangan pelajar sekolah di dalam Negeri Johor ini.

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**  
**SOALAN 15 (A149)**

Apakah langkah intervensi awal yang akan dan telah dilaksanakan bagi mengesan pelajar berisiko tinggi terlibat dalam kes disiplin dan jenayah sebelum perkara serius berlaku?

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)**  
**SOALAN 16 (A67)**

Apakah langkah yang diambil bagi menggalakkan lebih ramai belia Johor kembali bekerja atau berniaga di negeri sendiri selepas tamat pengajian?

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**  
**SOALAN 17 (A150)**

Apakah usaha kerajaan negeri untuk mengurangkan penghijrahan belia kampung ke bandar serta menggalakkan lebih banyak peluang pekerjaan desa berpendapatan tinggi?

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**  
**SOALAN 18 (A20)**

Apakah perancangan menangani kesesakan di HSA dan HSI dan KPI pengurangan masa menunggu di Jabatan Kecemasan?

**YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**  
**SOALAN 19 (A196)**

Susulan lawatan YAB Menteri Besar ke Hospital Sultan Ismail pada bulan Julai 2025, realiti kekurangan tenaga kerja kesihatan di negeri Johor amat menjadi kebimbangan rakyat Johor. Mohon kerajaan negeri menjelaskan langkah-langkah intervensi yang boleh diambil bagi menyelesaikan masalah ini.

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 20 (A158)**

Adakah sistem Smart Queue System (SQS) yang dilaksanakan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru berjaya memendekkan masa menunggu pesakit seperti perancangan? Adakah kemungkinan sistem ini akan diperluas di hospital lain seperti di Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai?

**YB PUAN HAJAH RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**  
**SOALAN 21 (A35)**

Apakah usaha-usaha positif yang boleh diambil oleh kerajaan bagi merencanakan pembangunan tanaman kelapa di negeri ini kerana tanaman kelapa sawit telah begitu dominan, manakala bekalan kelapa segar dan kelapa muda mendapat permintaan yang tinggi di negeri ini?

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**  
**SOALAN 22 (A111)**

Apakah rancangan jangka panjang kerajaan negeri dalam membantu golongan warga emas memandangkan kita akan mencapai Negara Menua pada tahun 2030?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)**  
**SOALAN 23 (A209)**

Malaysia menjadi negara menua mencapai tahun 2030. Apakah kerajaan mempunyai rancangan di dalam mengendali pertambahan golongan ini agar kebajikan mereka sentiasa terjamin?

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**  
**SOALAN 24 (A100)**

Apakah kelebihan PBT yang telah diiktiraf sebagai Smart City dan sejauh mana pengiktirafan ini akan membantu 16 PBT yang ada sekarang menjayakan hasrat kerajaan agar lebih berdaya saing dan mampan menangani pelbagai isu terutama bagi menambah baik perkhidmatan dikawasan bandar?

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**  
**SOALAN 25 (A147)**

Berapakah jumlah syarikat Bumiputera di Johor yang telah berjaya menembusi pasaran eksport, dan apakah bentuk sokongan atau insentif tambahan yang

disediakan oleh kerajaan negeri bagi memperkukuh penyertaan mereka dalam ekonomi digital dan ekonomi hijau?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**

**SOALAN 26 (A12)**

Setinggalan tanpa geran di Kampung Laut telah dibasmi, kini tinggal rumah bergeran. Apakah perancangan kerajaan negeri terhadap penduduk yang bergeran? Mereka juga memerlukan jalan yang baik bertar, lampu jalan yang menerangi kegelapan.

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**

**SOALAN 27 (A53)**

Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Pendidikan Negeri bagi meningkatkan kesedaran serta memperkukuh latihan guru dan kaunselor untuk mengenal pasti awal tanda buli, keganasan, tekanan emosi dan masalah kesihatan mental dalam kalangan pelajar?

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**

**SOALAN 28 (A6)**

Berapakah jumlah peruntukan diterima oleh semua surau/ masjid di dalam DUN Jementah sebagai kos pengendalian? Adakah semua surau/ masjid terima peruntukan yang mencukupi?

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**

**SOALAN 29 (A126)**

Adakah kerajaan negeri bercadang memperkenalkan “Dana Inovasi Belia Johor” bagi menyokong idea-idea baharu belia tempatan seperti rancangan televisyen berjudul “The Apprentice” atau semisalnya?

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**

**SOALAN 30 (A142)**

Minta dinyatakan pendirian kerajaan negeri berkaitan URA, Urban oleh kerana terdapat banyak kawasan perumahan rakyat yang perlu penambahbaikan.

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)**

**SOALAN 31 (A179)**

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Johor dalam sektor pertanian cukup besar. Adakah kerajaan mempunyai perancangan terutama dalam sektor padi dari segi meningkatkan pengeluarannya?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**

**SOALAN 32 (A29)**

Minta menyatakan bilangan petani atau usahawan agro-tempatan di Tangkak yang dilibatkan dalam projek agro-industri negeri, jumlah peruntukan dan insentif

kepada mereka, serta indikator pencapaian (contoh pengeluaran, pendapatan tambahan).

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**

**SOALAN 33 (A217)**

Apakah kerajaan mempunyai perancangan untuk adakan program bantuan khusus kepada nelayan dan petani di daerah Mersing memandangkan musim monsun timur laut akan berlaku tidak lama lagi?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**

**SOALAN 34 (A205)**

Apakah pandangan kerajaan di dalam mewujudkan satu kategori untuk kadar khas cukai pintu khusus bagi NGO atau non-profit organization yang banyak menyumbang kepada negeri dalam sektor seperti pelancongan, sukan, kebajikan dan lain-lain?

**YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)**

**SOALAN 35 (A78)**

Setiap tahun sekolah-sekolah mengadakan acara sukan. Namun, didapati di kawasan Permas, kemudahan sukan masih tidak sempurna, antaranya tiada trek balapan, tiada kolam renang dan padang bola yang tidak mencukupi. Apakah langkah kerajaan untuk menambah baik kemudahan sukan di kawasan ini.

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**

**SOALAN 36 (A132)**

Apakah pelan tindakan kerajaan negeri dalam memperkasa kualiti pendidikan di luar bandar Johor khususnya di kawasan pedalaman?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**

**SOALAN 37 (A116)**

Pembinaan jalan berturap ke lorong-lorong rumah sukar dilaksanakan oleh syarikat konsesi akibat masalah rizab jalan. Bagaimanakah kerajaan negeri boleh membantu terutamanya di DUN Gambir?

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**

**SOALAN 38 (A118)**

Adakah Kerajaan Negeri Johor mempunyai perancangan untuk menaiktaraf jalan dari 2 lorong kepada 4 lorong dari Labis ke Kulai dan Labis ke Gemas Baru ?

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**

**SOALAN 39 (A157)**

Memandangkan Senai Airport City (SAC) telah berjaya menarik komitmen pelaburan yang besar, adakah perancangan menaiktaraf dari Persiaran SAC ke J02-Jalan Seelong akan dilaksanakan dalam masa terdekat?

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**  
**SOALAN 40 (A163)**

Jalan Sambung VBC Jalan Mengkibol merupakan projek berimpak tinggi di Kluang dan pihak YAB MB juga telah melawat pada PRK Mahkota yg lalu. Bolehkah projek ini dimasukkan dalam Bajet Johor 2026?

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**  
**SOALAN 41 (A164)**

Johor menerima RM60 Juta untuk Projek Naiktaraf Jalan Kluang-Renggam Layang-Layang J25 di Taman Muhibbah ke Jalan Kota Tinggi. Bolehkah projek Pelebaran Jalan Delima 1 yang merupakan sebahagian lingkaran tengah ini boleh dilaksanakan sekali menggunakan peruntukkan tersebut?

**YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**  
**SOALAN 42 (A146)**

Apakah peranan yang dimainkan oleh kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam merangka dan melaksanakan dasar bagi mengawal perkembangan permainan elektronik (e-game) yang berpotensi memudaratkan pemikiran serta perkembangan mental kanak-kanak?

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**  
**SOALAN 43 (A107)**

Sedili sekali lagi memohon agar Sungai Sedili diperdalamkan serta diselenggara baik bagi memudahkan Nelayan Laut dan Nelayan Komuniti setempat mencari rezeki sepertimana dipohon. Namun, ianya masih belum terlaksana dan berharap agar ianya dapat dilaksanakan dalam masa terdekat.

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**  
**SOALAN 44 (A3)**

Isu kekurangan penjawat kesihatan awam bukan isu baru dan ini pastinya akan menyulitkan langkah langkah menyelamatkan jika gempa bumi berlaku. Bagaimanakah kerajaan negeri mengatasi masalah ini?

**4. PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2026) TAHUN 2025.**

-----  
-----  
----- ( BAHASAN YB BACK-BENCHERS ) -----  
-----  
-----

**Persidangan ditangguhkan sehingga hari Selasa, 18 November 2025, jam 9:30 pagi.**